

**Article Info:**

Received Date: 31 July 2019  
Accepted Date: 31 October 2019  
Published Date: 07 November 2019  
Corresponding Author:  
mymeera79@yahoo.com

## **Apreasasi Karya Nasionalisme Seni Moden Malaysia Dalam Pameran Seni Negaraku 2017, Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur**

*Apreasasi Works Of Modern Art Nationalism In National Art Exhibitions 2017, Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur*

**Maizatunsatinah Umor**

**Abdul Aziz bin Zaley @ Zali**

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif.  
Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.  
mymeera79@yahoo.com

### **Abstrak**

Kajian ini dibuat sempena pameran Negaraku 2017 di Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur. Karya yang dipilih dalam pameran ini berbentuk nasionalisme mengupas tentang apreasasi karya berbentuk nasionalisme dalam pameran Negaraku 2017 memfokuskan kedua menyatakan ciri-ciri subjek nasionalisme yang terkandung dalam karya dan fokus seterusnya menginterpretasi makna karya nasionalisme dalam konteks seni moden Malaysia. Karya untuk pameran "Negaraku" bertujuan untuk mengenalpasti bentuk karya-karya nasionalisme dalam pameran seni Negaraku manakala ia menyatakan ciri-ciri subjek nasionalisme yang terkandung dalam karya-karya seni rupa di dalam pameran seni "Negaraku" dan ingin menginterpretasi makna karya nasionalisme dalam konteks seni moden Malaysia. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes. Kaedah pengumpulan data melalui penelitian (observasi), temubual, rakaman visual dan dokumentasi. Seterusnya data ini di analisis menggunakan model kajian Edmund Burke Feldmen (1992). Manakala kajian ini menggunakan pendekatan interdisiplin dengan konsep teori nasionalisme. Hasil kajian ini mengupas karya yang dipilih dalam pameran Negaraku, dihasilkan oleh seniman seni Moden Malaysia dengan rasa cinta akan negara dengan ungkapan yang berbeza. Seniman menyatakan rasa cinta negara dengan menghasilkan ikon yang positif dan begitu juga dengan sindiran. Namun tujuan yang sama rasa sayang dan semangat kenegaraan akan Negara Malaysia. Kajian membuka pemahaman seni dan membina jati diri kearah pembentukan negara bangsa melalui penghasilan karya seni visual.

**Kata kunci:** Karya Nasionalisme, Seni Moden Malaysia, Pameran Seni Negaraku 2017

### **Abstract**

*This study was conducted in conjunction with the exhibition My Country 2017 at the National Visual Arts Hall, Kuala Lumpur. The work selected in this exhibition in the form of nationalism explores the works of nationalism in the exhibition My Country 2017 focusing on secording the characteristics of the subject of nationalism included in the work and focusing further on interpreting the meaning of nationalism in the context of modern Malaysian art. The work for the exhibition "Negaraku" aims to identify the forms of nationalism in my country's art exhibition while it highlights the characteristics of nationalism included in the artwork in the "Negaraku" art exhibition and wants to interpret the meaning of nationalism in the context of modern Malaysian art. Researchers use a qualitative approach to case studies. Methods of data collection through research (observation), interviews, visual recording, and documentation. These data were then analyzed using Edmund Burke Feldmen's (1992) study model. While this study uses an interdisciplinary approach to the theory of nationalism. The result of this study is a selection of works selected in the exhibition My*

*Country, produced by Modern Malaysian art artists with a love of the country with different expressions. Artists express their love for the country by producing positive icons and thus with sarcasm. But the same purpose is the love and spirit of the nation. The study opens the understanding of art and builds a sense of belonging to the nation through the production of visual art.*

**Keywords:** Nationalism, The Modern Art Work of Malaysia, Negaraku 2017 Art Exhibition.

## PENGENALAN

Seni moden Malaysia telah melahirkan pelbagai karya berbentuk gaya, persembahan dan isu dalam karya. Tema nasionalisme merupakan isu karya yang seringkali diketengahkan oleh para seniman di Malaysia. Melihat dari sudut pemahaman sosiologi nasionalisme Emerson (1964) menyatakan bahawa nasionalisme adalah penyebaran impak dari revolusi barat yang mempunyai kronologi tersendiri melalui hasil sebuah proses membawa kepada tindakan nasionalisme untuk membentuk negara bangsa. Pejuang nasionalisme ini bangkit dengan pelbagai sudut politik, ekonomi, sosiologi dengan satu objektif demi membangunkan negara dan bangsa yang mempunyai ciri-ciri identiti tersendiri. Dengan itu, menginterpretasi imej yang dihasilkan oleh pengkarya dalam “Pameran Negaraku” pastinya imej nasional dibangkitkan. Ciri-ciri yang disebut oleh beliau telah diungkapkan di dalam karya nasionalisme di Malaysia. Oleh itu, Sebuah hasil karya seni ialah ruang kebebasan pengkarya dalam menginterpretasikan kepekaan mereka terhadap nasionalisme. Seni Moden Malaysia bermula pada sekitar tahun 30-an di mana lukisan menggunakan medium cat air di gunakan oleh pengkarya. Catan berkisar tentang pemandangan landskap Malaya, semasa aktiviti dalam masyarakat dan ekonomi pada ketika itu. Catan yang tidak mempunyai tema serta dihasilkan kerana minat dan hobi. Dengan itu, usaha-usaha untuk membentuk sebuah identiti kebudayaan kebangsaan bermula pada tahun 1970-an telah membangkitkan konflik antara tradisi dan moden. Selepas Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971, para pelukis Melayu melihat warisan kebudayaan seperti simbol dan imej tradisi disatukan dalam konteks astetik dan modeniti Barat. Bermula dengan gaya naturalistik, ekspresionis, abstrak sehingga galah idea konseptual dan teoritikal sekitar tahun 1970-an. Karya yang memilih subjek tempatan menampilkan corak dan kesenian tradisional serantau menjadi subjek pilihan disamping mementingkan identiti setempat dan jati diri pelukis. Kemunculan era pluralis dan pasca moden pada tahun 1980-an melahirkan pelbagai karya berbentuk gaya, persembahan dan isu dalam karya. Dalam “Pameran Seni Negaraku” ini merupakan program di bawah “Inisiatif NEGARAKU” yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 18 Mac 2017 di Putrajaya, ia bertunjangkan semangat cintakan pada negara bersempena sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-60 tahun. Menerusi aspirasi ini, kurator Balai Seni Visual Negara merancang pameran yang begitu selektif dan memaksimakan sejumlah 88 karya dari 72 pelukis dalam koleksi awam dan persendirian. Karya-karya ini mempunyai signifikan yang tersendiri kepada negara sama ada dalam susur masa sejarah sosial negara maupun titik-titik penting dalam pencejahanan seni lukis Malaysia. (Amerrudin Ahmad, 2016). Usaha kerajaan ini bagi menerokai satu identiti dan jati diri negara untuk menyatukan rakyat di negara kita.

## MASALAH KAJIAN

Menurut Anurendra Jegadeva “Naratif nasional- mewujudkan satu latar kepada cara kita meluahkan rasa kekitaan yang ada dalam diri kita semua. Naratif nasional merangkumi beraneka kisah yang kita pilih untuk bercerita tentang diri kita sebagai rakyat Malaysia, justeru membolehkan kita bijak menghadapi dan menyusuri detik-detik tertentu sejarah negara- yang diungkapkan menerusi lagu kebangsaan, seni persembahan, sastera dan pastinya seni tampak kita semua.” (Menaggap Identiti, Naratif Seni Rupa Malaysia Jilid 1, RogueArt, 2012)

Merujuk petikan di atas, beliau menyatakan bahawa semangat kenegaraan di luahkan melalui pelbagai cabang seni yang menceritakan tentang kekitaan mahupun sejarah. Jelas di sini, karya seni bertemakan nasionalisme menjadi sebahagian komponen seni lukis moden di Malaysia.

Di antara permasalahan utama adalah seniman kini tidak lagi menghasilkan karya yang bertemakan isu nasionalisme. Ini adalah kerana mereka hilang semangat nasionalisme terhadap negara kita. Tidak kurang juga seniman kini mudah terpengaruh dengan isu globalisasi. Ini disokong oleh Siti Zainon (2012) menyatakan bahawa atas kesan globalisasi, keterbukaan seniman muda menghasilkan seni dengan ketepikan isu tradisi. Dari satu sudut, seniman muda ini sedang menerajui kreativiti seni untuk menampilkan jati diri, namun lebih baik objektif utama Dasar Kongres Kebudayaan perlu diterusi, dinilai sebagai tunjang kepada budaya dan sejarah.

Selain itu kebanyakan seniman menghasilkan karya kurang penghayatan dalam membawa isu nasionalisme dan jati diri kita. Menurut dari wawancara seorang editor seni Nur Hanim Khairuddin dengan artis Ponirin Amin 7 Jun 2013, Secara umumnya, yang selalu diperkatakan hanyalah tentang motif-motif budaya sahaja. Karya-karya oleh beberapa pelukis diangkat dan dijulang hanya sebab karya-karya itu dihasilkan tepat pada masanya. Tajuk-tajuk karya mereka secara kebetulan dan bersesuaian dengan permasalahan budaya, sedangkan artis-artis itu tidak pernah terpikir pun untuk menerokai berkaitan budaya itu. Kenyataan ini akan diperhalusi dalam kajian untuk merungkai karya berbentuk nasionalisme dihasilkan secara terancang atau secara kebetulan. Tambahan lagi pada awal kemunculan seni di Malaysia, pada tahun 1930-an seniman tidak mendapat Pendidikanformal dan lebih menumpukan kepada catan easal lanskap menggunakan medium cat air.

Selain itu, seni yang popular ketika itu ialah seni tradisi seperti ukiran, batik, tenunan, anyaman dan lain-lain. Kemunculan seniman yang menghasilkan karya seni pada awal 1940-an sehingga 1960-an bertemakan nasionalisme ini dibuat adalah berdasarkan pengaruh karya tradisi tempatan dan pengaruh catan yang dibawa oleh British ketika itu. Jesturu itu, karya bertemakan nasionalisme ini dihasilkan pada ketika itu tidak dirancang oleh seniman. Jesturu itu, konteks karya nasionalisme ini kurang mendapat perhatian oleh seniman namun mereka terus menghasilkan karya tanpa menyedari isu dan tema karya. Sehingga setelah kemunculan seniman generasi baru yang mendapat pendidikan formal sekitar tahun 1960-an yang membawa gaya ekspresionis dan abstrak ekspresionis mengabungkan isu budaya dan globalisasi. Namun karya di Malaysia mengalami perubahan demi perubahan, sehingga muncul Dasar Kongres Kebudayaan pada tahun 1970-an yang menekan soal budaya dalam karya.

Ini yang dimaksudkan oleh Dr Siti Zainon yang menyatakan seniman perlu memupuk karya bersifat budaya jati diri seterusnya memertabatkan karya dalam konteks nasionalisme sebagai wadah tatapan generasi seterusnya dan juga cerminan identiti negara bangsa untuk tatapan dunia. Seni mampu memberi kesedaran untuk mendidik masyarakat terhadap karya berfungsi dalam membantu merealisasi kemerdekaan tanahair. Ianya medium komunikasi yang paling rapat dan hampir dengan masyarakat menyampaikan mesej. Penyelidikan ini akan mengkaji secara menyeluruh berkaitan interpretasi karya nasionalisme dalam konteks seni moden serta dapat mengenalpasti dan meghuraikan persoalan dalam kajian ini. Oleh itu, penyelidik merungkai persoalan dan menghasilkan satu kajian karya berbentuk nasionalisme dalam konteks seni moden.


## METODOLOGI

Kajian ini, menggunakan pendekatan kualitatif jenis kajian kes. Reka bentuk kajian adalah satu pelan untuk membuat penyelidikan yang mengandungi panduan satu penyelidikan yang akan dijalankan. Merujuk Robert K. Yin (2011) rekabentuk kajian adalah pelan untuk bertindak dari satu peringkat ke satu peringkat dengan berserta dengan soalan yang perlu di jawab, lalu diikuti dengan kesimpulan dari data yang relevan. Menurut

Otman Lebar, 2009 kebiasaan penyelidik memilih kajian kes kerana kecenderungan kajian kepada meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman mendalam dalam sesuatu kes dan bukan untuk ujian atau hepatosis. Berdasarkan maklumat dari fenomena dan entiti, penyelidik akan meneroka interaksi yang signifikan berdasarkan fenomena.

Oleh itu kajian fokus membina analisis dengan lebih mendalam. Pengumpulan data adalah terdiri dari daripada data premier dan sekunder. Data premier menggunakan kaedah penelitian atau observasi, manakala kaedah temubual dibuat secara berstruktur dan tidak berstruktur. Merujuk kepada data sekunder pula, kaedah kepustakaan hasil bacaan jurnal, buku, hasil penyelidikan, artikel, dokumen rasmi mahupun katelog berdaftar. Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidik yang dijalankan.

## DAPATAN KAJIAN



Rajah 1 Mohd Sallehuddin, *Village Shopping*, 1959, Cat minyak, 89.5 x 76.5 cm

**Diskripsi:** Karya Mohd Sallehuddin bertajuk “*Village Shopping*” yang dihasilkan pada tahun 1959. Karya ini menggunakan medium cat minyak dan berukuran 89.5 x 76.5 cm. Catan di ketegorikan sebagai karya ikonik dan karya ini telah di angkat sebagai warisan negara. Karya dihasilkan selepas merdeka yang membawa objektif Angkatan Pelukis Se-Malaysia (APS) iaitu ekspresi terhadap nilai budaya. (Prof Dr Mulyadi Mohamod, Temubual Personal, 4 Mar 2019). Catan memaparkan imej figura dalam melakukan aktiviti jual beli disebuah kampung yang majmuk penduduknya. Gaya catan ini.

**Analisis:** Catan dihasilkan dengan dibahagikan kepada tiga ruang iaitu hadapan tengah dan belakang. Ruang dihadapan ialah imej didalam sebuah kedai, dibahagian tengah ialah imej di bahagian luar kedai dan di belakang ruang imej landskap hijau. Pengolahan ruang dibagikan kepada warna cerah ke gelap. Warna yang digunakan agak kekuningan menunjukkan suasana petang. Bentuk tubuh manusia dihasilkan dengan penuh cermat menampakkan lima imej figura. Kadar banding anotomi manusia juga dititikberatkan dengan menapakkan sifat lelaki dan perempuan, malah imej figura tersebut memaparkan bentuk muka bangsa Cina dan Melayu dan India. Figura wanita memegang seorang kanak-kanak perempuan dengan berpakaian baju kebaya kuning serta bersetelendang merah merupakan imej dominan di dalam catan ini. Aktiviti jual beli dijelaskan dengan lelaki Cina berseluas biru sedang menimbang sebuah bungkus. Imej beras dijelaskan dengan jalinan dibahagian hadapan sekali. Figura lelaki Melayu dengan memakai songkok dan berpakaian putih kelihatan membelakang imej dominan. Kelihatan juga seorang lelaki India dengan pakaian berwarna putih sedang berjalan kearah kedai.

**Interpretasi:** Karya dihasilkan menjelaskan suasana kampung yang aman dan majmuk dengan berbilang kaum. Karya ini dihasilkan paska merdeka dan pengkarya ingin menyampaikan suasana harmoni dan bersifat perpaduan. Warna merah, biru, kuning dan putih pada pemakaian imej figura tersebut di pilih bertepatan dengan warna pada bendera Malaysia. Karya juga menyampaikan polimik di mana ekonomi jauh beli dikuasai oleh bangsa Cina namun pembelinya berbilang kaum.

**Penilaian:** Karya ini disampaikan dengan jelas rasa cinta pada negara dengan warna bendera Malaysia dan imej figura berbilang kaum. Imej disampaikan dengan agak tenang dalam sebuah kampung kerana pemilihan warna latar yang sesuai. Melihat karya ini seperti mengimbang kenangan lama dengan peralatan penimbang dan bungkus suratkhabar.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian ini memberi sumbangan dalam memertabatkan seni berbentuk nasionalisme dalam seni moden Malaysia. Karya seni nasionalisme dihasilkan secara dirancang atau tidak sengaja oleh pelukis, pengkaji cuba mengapresasikan karya tersebut bagi memberi kesedaran kepada penonton bahawa karya seni visual menyumbang akan rasa kecintaan kepada negara bangsa. Karya seni sebagai rakaman peristiwa, ekspresi sindiran terhadap negara dan ada yang menghasilkan karya berbentuk ikonik yang jelas seperti bendera Malaysia dan sebagainya. Karya nasionalisme adalah warisan kepada negara Malaysia dalam usaha pembentukan nasional dan negara bangsa.

## PENGIKTIRAFAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat terutama penyarah Dr Abdul Aziz bin Zaley @ Zali kerana tunjuk ajar beliau sepanjang kajian lapangan dan artikel ini diselesaikan. Tidak lupa juga informen Prof. Dr Mulyadi Mahmood, Kurator Pameran En Amerrudin Ahmad dan En. Mohd Azrul Amin Arshad yang banyak memberi maklumat.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Husain. (2014). *Kajian seni dalam pendekatan interdisiplin. Seni pendidikan dan kebudayaan*. Penerbitan Malim Sarjana.
- Anthony D. Smith. (2010). *Nationalism Theory, Ideology, History, Second Edition*. Polity Press, USA.
- Katalog Pameran Seni Negaraku*, (2017). Balai seni Lukis Negara. Kuala Lumpur
- Craig Calhoun. (2002). *Nationalism Concept in the Sciences*. Open University Press. Buckingham.
- Dawson R Hancock, & Algozzine, B. (2006). *Doing Case Study Research*. New York: Teachers College Press, 1234 Amsterdam Avenue, New York, NY 10027.
- Deborah K. Padgett. (2008). *Qualitative Methods in Social Work Research Second Edition*. Sage Publication Ltd. United Kingdom.
- Edmund Burke Feldman. (1992). *Varieties of Visual Experience: Fourth Edition*. Harry N. Abrams, Inc., Publishers. New York.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Penerbit Universiti Utara. Malaysia.
- John W. Creswell. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*, Sage Publication Ltd, United Kingdom.
- J. Gary Knowles, Ardra L. Cole. (2008). *Handbook of the Arts in Qualitative Research*, Sage Publication Ltd, United Kingdom.
- Matthew B. Miles, & A. Michael Huberman. (1994). *Qualitative Data analysis* (2nd ed.). Sage Publications Ltd.
- Mohd Johari, A. H. (2004). *Falsafah dan kritikan seni* (1st ed.). Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Johari, A. H. (2006). *Peranan Kritikan Seni Terhadap Perkembangan Seni Tampak di Malaysia. In Menanggapi keberkesanan dan perubahan* (pp. 1–20). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. Retrieved from <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/410/>
- Nathan Knobler terjemahan Zakaria Ali. (1985). *Dialog Seni Tampak*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nur Hanim, Bevely Yong, T.K Sabapathy. (2012). *Menanggap Identiti: Naratif Seni Rupa Malaysia Jilid 1*. Rogue Art. Kuala Lumpur

- Nur Hanim, Bevely Yong, T.K Sabapathy. (2013). *Reaksi-Strategi Kritikal Baru Jilid 2*. Rogue Art. Kuala Lumpur
- Nur Hanim, Bevely Yong, Rahel Joseph, Tengku Ibrahim. (2016). *Infrastuktur Naratif Rupa Malaysia Jilid 3*. Rogue Art. Kuala Lumpur.
- Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone, Cayton. (2006). *Art Fundamental Theory and Practice Tenth Edition*. The Mc Graw-Hill Companies. America, New York.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim, perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor Malaysia.
- Umut Ozkirimli. (2010). *Theories of Nationalism: A Critical Introduction*. Palgrave Macmillan Publishers Limited. England.
- Redza Piyadasa. (2001). *Rupa Malaysia: Meninjau Seni Lukis Modern Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur
- Ross Poole. (1999). *Nation and Identity*. Routledge, Taylor & Francis Group. London and New York
- Paul Lawrence. (2005). *Nationalism History and Theory*. Pearson Education Limited. UK
- Tjepjep Rohendi Rohidi, & Abdul Halim Bin Husain. (2015). *Metodologi Penyelidikan Seni* (1st ed.). Penerbitan Malim Sarjana.
- T.K. Sabapathy/Redza Piyadasa. (1983). *Modern Artists of Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- T.K. Sabapathy. (1994). *Vision And Idea ReLooking Modern Malaysian Art*. Nasional Art Gallery. Kuala Lumpur.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York: The Guilford Press, New York London.